

BAB V

5.1 KESIMPULAN

Secara dasarnya penulisan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah* mempunyai kaitan rapat dengan *manhaj* pemikiran hukum Islam. Walaupun beliau tidak mengarang secara khusus dalam bidang hukum atau fatwa tetapi pemikiran hukum pada hakikatnya wujud dan dapat dilihat dalam diri beliau. Kemahiran, penguasaan dan pengamatan beliau adalah manifestasi kepada keyakinan dan pegangan yang utuh kepada *manhaj* hukum Islam. Walaupun pendapat dan pegangan Syeikh Tahir tidak selari dan bertentangan dengan pendapat ulama tradisional. Di dalam kebanyakan perbahasan beliau dilihat masih kekal konsisten berpegang kepada nas al-Qur'ān dan al-Sunnah serta menganalisis dalil dengan teliti.

Pada masa yang sama, pemikiran Syeikh Tahir menjadi pengukur bagi mengenal pasti intipati idea dan tajdid yang bersifat kekal, terkehadapan dan mendahului zamannya. Selain mempunyai paradigma keilmuan yang tinggi dalam pemikiran hukum, beliau dilihat berinteraksi dengan nas di dalam mana-mana situasi melibatkan persoalan hukum Islam. Syeikh Tahir menyeru berjihad kepada pendapat yang paling kuat dan konsisten dengan realiti semasa walaupun terkeluar dari lingkungan pandangan dan pendapat Imam mazhab.

5.2 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian, penulis mendapati beberapa dapatan kajian yang boleh dinilai telah menyerlahkan perkembangan Islam pada zaman selepasnya yang boleh penulis nyatakan secara objektif antaranya :

1) Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin adalah seorang pemikir masyarakat dan intelektual yang responsif terhadap masalah dan isu masyarakat yang wujud pada zamannya. Beliau mencadangkan satu penyelesaian dengan cara terbaik untuk menangani persoalan hukum yang berlaku di tengah masyarakat. Beliau merupakan seorang ulama terawal di Nusantara yang mencetuskan pemikiran baru bertentang arus dengan pemikiran-pemikiran ulama tradisional. Pemikiran beliau menggambarkan seruan kepada berijtihad, tidak fanatik dan beramal apabila terdapat nas yang menyokong amalan tersebut. Bagi beliau pendekatan pemikiran hukum yang menepati kehendak al-Qur'ān dan hadis mesti berpandukan kepada pemakaian metode istinbat hukum yang tepat dan konsisten. Berdasarkan pemerhatian, Syeikh Tahir menyeru kepada kembali kepada sumber asal dalam hukum namun secara praktikalnya beliau masih terikat dengan metode fiqh yang mereka warisi dari masa lalu iaitu dalam mazhab Shafi'i. Beliau tidak bertaqlid buta terhadap sesuatu mazhab malah pandangannya berasaskan kepada kefahaman, penilaian dan penelitian. Kitab penulisan *Ta'yīd Tadhkirah* memperlihatkan beliau benar-benar menguasai fiqh mazhab Shafi'i. Ini dapat dilihat apabila perbincangan dan perbahasan di dalam kitab tersebut merangkumi hukum, pegangan, pendapat ulama-ulama, kitab-kitab yang dirujuk menjurus kepada mazhab Shafi'i. Dalam penyelesaian hukum yang

dihadapinya sekira mazhab yang diwarisinya tidak mempunyai penyelesaian hukum beliau mencari penyelesaian dalam mazhab lain dan menggunakan ijtihad terutama dalam masalah dan isu baru. Dalam penyelesaian tertentu, Syeikh Tahir sangat selektif dan berani mengkritik pendapat dalam mazhab Shafi'i jika bertentangan dengan pemahaman dan penanggapannya. Secara umumnya keseluruhan kandungan kitab ini diambil daripada pandangan imam Shafii dan tokoh-tokoh dalam mazhab Shafii. Walaupun begitu, Syeikh Tahir telah membawa pembaca kepada satu amalan positif yang patut dimiliki oleh setiap umat Islam khususnya para sarjana Melayu. Beliau telah menyelitkan beberapa pandangan imam mazhab yang lain dalam karya ini serta cenderung untuk menerima pandangan mereka. Teks-teks yang telah dibincangkan oleh penulis di dalam bab ketiga jelas menunjukkan bahawa Syeikh Tahir tidak terikat dengan mazhab beliau sahaja tetapi turut berlapang dada menerima pandangan keempat-empat mazhab di dalam Islam.

2) Kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah* adalah kitab fiqh yang ditulis oleh Syeikh Tahir berkaitan ibadah dan persoalan *khilāfiyyah*. Dari sudut metode, penulisan *Ta'yīd Tadhkirah* adalah lengkap dan sempurna bagi membahaskan dan menjelaskan isu berkenaan solat sunat *qabliyyah* jumaat pada ketika itu. Susunan kitab yang teratur dan kemas memudahkan pembaca memahami dan meneliti dalil, hujah dan isi kandungan di dalam kitab tersebut. Struktur kitab boleh dikatakan menyamai penulisan karya-karya fiqh ulama mazhab shafi'i dimana dimulakan dengan catatan pengantar, mukaddimah, *tahmīd* dan selawat sebelum meneruskan kepada tajuk perbahasan dibahagikan kepada tiga bab yang utama dan diakhiri dengan penutup. Dalam menilai kitab *Ta'yīd Tadhkirah* beberapa aspek perlu diambil kira tentang kesesuaian peranan yang dimainkan oleh Syeikh Tahir berasaskan realiti dan

mentaliti sezaman. Beliau hidup dalam zaman di mana keadaanya adalah berbeza dengan situasi masa kini. Beliau merupakan seorang ahli fiqh yang mampu berijtihad dalam beberapa masalah fiqh. Ini menunjukkan bahawa beliau tidak semata-mata melakukan terjemahan daripada kitab-kitab fiqh ulama *Shafi'iyah* dalam Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu. Penulis juga mendapati, rujukan-rujukan yang beliau gunakan untuk mengarang kitab *Ta'yīd Tadhkirah* adalah kitab-kitab fiqh Bahasa Arab yang berautoriti di dalam mazhab Shafi'i. Kitab-kitab tersebut sering digunapakai oleh pengikut-pengikut mazhab Shafi'i untuk merujuk pendapat-pendapat yang muktamad.

3) Dari sudut pandang penulis, Syeik Tahir dilihat menggunakan metode pendalilan yang selaras dengan perundangan Islam. Beliau dilihat komited untuk memastikan penulisannya bertepatan dengan kehendak al-Qura'an dan hadis. Fakta ini dilihat, beliau konsisten dengan menggunakan metode istinbat dengan mendahulukan nas di dalam mana-mana situasi. Syeikh Tahir juga bersikap kritikal ketika mengerakan corak berfikir dan pemikiran beliau lebih menyerlah apabila turut mengupas beberapa topik penting dalam kerangka ilmu *Uṣūl al-fiqh* iaitu *Qawā'id al-Fiqhiyyah*, *Qawl al-Ṣahābī*, *Maṣlaḥah* serta Kaedah *Uṣūl*. Pemikiran beliau turut mengupas elemen persoalan *Khilāfiyyah* dan adab ikhtilaf, pemikiran terhadap *al-Aṣl* dan *Istidlal* dengan memperincikan status dalil sebelum mengabsahkan sesuatu persoalan hukum. Melalui perbincangan adab ikhtilaf beliau menetapkan syarat-syarat yang perlu ada pada para cendekiawan dan ilmuan Islam sebelum memasuki medan perbahasan intelek. Beliau juga turut mengupas *manhaj* terhadap persoalan *bid'ah* yang mana beliau adalah di antara ulama yang konsisten menolak unsur-unsur *bid'ah* dalam Syariat. Kesemua perbahasan tersebut walaupun dilihat ringkas tetapi sangat relevan mengikut konteks zamannya. Skop perbincangan ini memperlihatkan

kematangan hujjah dan paradigma pemikiran Syeikh Tahir yang terkehadapan (*advance*) iaitu yang mendahului pemikiran ulama dan cendiakawan pada zamannya. Dengan kata lain, pemikiran yang dicetuskan oleh beliau kadang kala dilihat begitu maju ke hadapan mengatasi pola pemikiran umat islam pada masa itu. Ini dapat dilihat, idea-idea beliau dalam konsep islah dan tajdid hukum. Secara umumnya, beliau menggunakan rujukan-rujukan yang terpilih dan berautoriti dalam menyiapkan penulisannya dan rujukan-rujukan ini dikira selari dengan metod penulisan hukum Islam.

4) Konsep tajdid hukum yang dikemukakan oleh Syeikh Tahir tidak mudah untuk disesuaikan dengan pegangan agama masyarakat Melayu pada waktu itu. Justeru itu, beliau sentiasa berkonflik dan berpolemik dengan golongan yang mempunyai *status quo* dalam hal pentadbiran agama. Boleh dikatakan dari segi tindak-tanduknya beliau adalah tokoh ulama yang revolusioner yang berani menunjukkan kelainan daripada norma yang dipegang oleh masyarakatnya pada waktu itu. Idea reformism ala Mesir yang dibawa oleh Syeikh Tahir kemudiannya telah diwarnakan dengan ciri-ciri tempatan Tanah Melayu. Tumpuan utama dalam menyediakan masyarakat Melayu dengan metode yang dinamik dan terbaik. Bagaimana Islam itu harus digunakan untuk berhadapan dengan arus permodenan yang dibawa oleh kuasa British. Sesuatu persoalan yang timbul ada kaitan dengan objek, manusia, masyarakat, institusi, idea, kefahaman atau perkembangan tertentu semestinya ada asal usul atau puncanya, hubungan atau konteksnya yang tersendiri. Ini boleh dilihat dalam persoalan fiqh sesetengah ulama seperti Syeikh Tahir mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap sesuatu hukum berasaskan kemampuan intelektual, keadaan dan realiti masyarakat pada zaman mereka.

5) Menolak dakwaan yang di tulis oleh M. B Hooker menyatakan tiada perkembangan pemikiran hukum di Tanah Melayu dan ulama dan sarjana melayu Islam tidak berfikir. Mereka hanya meniru dan mencedok karya dan kitab Arab dari Timur Tengah sahaja. Penulis mendapati sumbangan yang telah dimainkan oleh Syeikh Tahir dalam pemikiran hukum Islam adalah bersesuaian mengikut konteks pada zamannya sekalipun diklasifikasikan sebagai ringkas. Manakala, subjek *uṣūl al-fiqh* juga mula dipelajari dengan cara yang lebih terbuka di Tanah Melayu. Sebelum kedatangan golongan pembaharuan atau dikenali sebagai reformis dipelopori oleh Syeikh Tahir ilmu *uṣūl al-fiqh* tidak dipelajari secara meluas di Tanah Melayu. Apabila tercetusnya idea-idea pemikiran islah dan tajdid hukum ilmu *uṣūl al-fiqh* mula dipelajari dengan lebih terbuka dan semakin berkembang. Subjek *uṣūl al-fiqh* mula diajar di pondok-pondok dan di madrasah-madrasah di Tanah Melayu. Pada peringkat awalnya tiada buku-buku berkaitan ilmu *uṣūl al-fiqh* yang ditulis dan diajar sehinggalah ilmu ini ditulis walaupun ringkas tetapi ia cukup memperlihatkan kesan yang besar terhadap perkembangan pengamalan dan dakwah Islam di Tanah Melayu.

6) Sistem madrasah yang diperkenalkan oleh Syeikh Tahir dengan harapan sistem madrasah ini bakal melahirkan sarjana Melayu yang terkehadapan dan berilmu pengetahuan. Sistem yang sedia ada diberi nafas baru berdasarkan kepada konsep secara relatifnya moden. Pendekatan pengajaran di madrasah telah direformasikan dalam bentuk yang lebih kondusif. Matapelajaran yang diajar tidak terbatas kepada matapelajaran agama tetapi turut merangkumi matapelajaran akademik. Semasa menjadi pentadbir di sebuah madrasah di Johor Syeikh Tahir telah mengajikan seorang Serani untuk mengajar matapelajaran Bahasa Inggeris untuk melihat pelajar-pelajar di madrasah dapat menguasai matapelajaran Bahasa Inggeris dengan lebih berkesan. Beliau turut menjadikan madrasah

sebagai platform untuk menyebarkan idea-idea tajdid dengan meletakkan idea-idea pembaharuan hukum pada sistem madrasah yang dianjurkan. Setelah tamat belajar pelajar-pelajar lepasan madrasah diberi galakkan dan semangat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi khususnya ke Timur Tengah yang menjadi pusat utama penyebaran idea-idea islah dan tajdid.

5.3 SARANAN

5.3.1 ULAMA DAN SARJANA ISLAM

Ulama dan sarjana Islam adalah peyambung segala usaha-usaha dakwah dan kefahaman Islam yang telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW. Perkembangan dakwah Islam perlu dilihat secara komprehensif dari setiap sudut dan perlu kepada penambahbaikan dari satu masa ke satu masa. Sebagai contoh, sistem pendidikan perundangan Islam di Malaysia semasa perlu sentiasa dinilai dan diulangkaji bagi tujuan penambahbaikan yang sepatutnya, agar sentiasa relevan dengan kehendak semasa. Apabila sistem pendidikan perundangan Islam tidak dinilai banyak perkara berkaitan perundangan dan hukum tidak dapat diujahkan mengikut konteks hukum Islam semasa. Usaha penilaian ini perlu direncanakan secara proaktif dan berwawasan. Pastinya ianya akan berhadapan dengan warisan budaya taqlid yang begitu berakar umbi di dalam dunia pendidikan Islam. Hal ini tidak boleh ditangani secara retorik semata-mata tetapi memerlukan strategi dan perumusan konsep tajdid era moden bagi menghakis budaya taqlid ini. Istilah konsep tajdid ini mungkin terlalu asing bagi penganut Islam Malaysia tetapi ianya telah menjadi asas intelektual utama di beberapa negara umat Islam seperti Indonesia.

Analisa kritikal terhadap warisan fiqh silam dari ulama dan sarjana Islam perlu dilakukan secara berterusan dan berkala di Institusi-Institusi pentadbiran perundangan Islam dan Jabatan-jabatan Mufti dan sebagainya. Usaha ini dilihat boleh digunakan bagi tujuan meyingkirkan budaya taqlid yang mendominasi pemikiran hukum Islam semasa. Sarjana dan ulama Islam perlu bersedia dengan ilmu serta perlu membangunkan teori dan kaedah penyelidikan hukum Islam yang semasa dan bersepadu dengan memperkemaskan kaedah penyelidikan Islam silam dan ilmu *uṣūl al-fiqh*. Seandainya kaedah ilmu *uṣūl al-fiqh* klasik dihasilkan melalui gabungan antara ilmu syariah dan ilmu teologi Islam yang terpengaruh dengan falsafah Islam. Maka hal yang sama patut dilakukan bagi melahirkan kaedah penyelidikan hukum Islam semasa. Sarjana dan ulama Islam juga perlu mengamalkan sikap yang terbuka terhadap bahan-bahan kajian luar sama ada bahan dari mazhab Islam lain ataupun bahan daripada Barat. Merujuk kepada bahan dari mazhab Islam yang lain seseorang sarjana Islam perlu bersifat terbuka dan tidak membataskan penyelesaian kepada sesuatu mazhab semata-mata. Apa yang lebih penting, mereka perlu mengakui dan menghormati pandangan fuqaha lain yang terbabit di dalam proses mendapatkan maklumat untuk sesuatu penyelidikan hukum dan seterusnya melakukan analisa yang terbaik terhadap fakta terbabit. Ini boleh dilihat, dengan pendekatan fiqh perbandingan membabitkan semua mazhab terbesar di dalam Islam. Dengan cara menerima pakai sumber yang berbeza, meneliti hujah yang digunakan secara terbuka dan memilih untuk menerima pakai mana-mana pendapat yang lebih bertepatan dengan kehendak syarak. Pendekatan ini akan tercapai dan terlaksana apabila seseorang fuqaha perlu membebaskan diri dari belenggu fanatik mazhab dan mengutamakan masalah perpaduan dan kepentingan umah melebihi segala-galanya

5.3.2 REFORMIS MELAYU SEMASA

Bagi reformis Melayu Islam semasa untuk memastikan kejayaan usaha reformasi yang lebih berkesan dan berterusan mereka perlu menjauhi perjuangan dan pemikiran ala *khutbah*. Golongan yang hanya pandai bercakap dengan gagasan yang begitu ideal tetapi tidak tahu menterjemahkan cita-cita tersebut kepada suatu program bertindak yang bersifat praktikal untuk diamalkan. Apa yang lebih diperlukan adalah perjuangan ala fuqaha yang mampu berfikir secara waras dengan mengambil kira faktor kegagalan dan kejayaan sesuatu program reformasi dan mampu menterjemahkan cita-cita kepada program yang praktikal dengan suasana setempat.

Reformis Melayu semasa juga perlu membangunkan suatu kerangka pemikiran yang agak terkehadapan berbanding dengan golongan bukan ulama. Bentuk pemikiran positif ini bertanggungjawab melahirkan proses pembangunan hukum Islam yang boleh dibanggakan pada masa hadapan. Di dalam banyak keadaan mereka perlu bertindak sebagai penyelesaian masalah, mencari punca masalah yang disertakan dengan metode penyelesaian terhadap permasalahan tersebut dengan mencadangkan beberapa alternatif kepada sesuatu permasalahan. Bahkan mereka turut mencadangkan konsep pembangunan alternatif iaitu pembangunan ala Islam yang lebih bersifat bersepadu. Mereka perlu mengambil sikap yang prihatin dengan setiap perkembangan semasa yang wujud di dalam masyarakat dengan mengkaji dan meneliti sebab sesuatu perkara terjadi dan mencadangkan jalan penyelesaian yang difikirkan terbaik. Ringkasnya, reformis Melayu Islam tidak cepat menjadi pasif dengan propaganda meluas yang diberikan oleh media massa perdana akibat dari perkembangan pembangunan material yang amat pesat di Malaysia. Bahkan mereka perlu

mengambil sikap kritikal terhadap sebarang perkembangan negatif yang timbul di dalam Negara dengan harapan dapat memperbaiki keadaan ini melalui kaedah yang memperseimbangkan elemen pembangunan material dengan pembangunan modal insan yang lebih baik.

5.4 PENUTUP

Sebagai rumusan akhir dapat disimpulkan bahawa pemikiran hukum Syeikh Tahir mempunyai sudut pandang yang berbeza. Corak dan pola pemikiran hukum beliau dilihat terkehadapan dan mendahului zamannya dengan aplikasi kaedah-kaedah hukum dan diwarnai dengan metode penulisan klasik. Pemikiran hukum beliau jelas terserlah dengan pendekatan corak fiqh ciri baru merangkumi kaedah hukum Islam sebagaimana yang telah ditetapkan dalam ilmu *uṣūl*. Impak besar yang diperolehi daripada tajdid hukum yang dipelopori oleh Syeikh Tahir telah mempengaruhi karakter Islam dalam masyarakat serta menjadi inspirasi berterusan kepada pengkaji dan reformis Melayu Islam semasa dalam membangunkan penyelidikan hukum Islam yang bersifat semasa dan terkini. Walaupun kita dituntut untuk mengamalkan paradigma pemikiran yang bersifat moden dan progresif untuk konteks zaman moden ini, bukanlah bermakna kita boleh memperkecilkan sumbangan yang pernah diberikan oleh ulama Melayu Islam silam berasaskan paradigma tradisional.

5.5 LAMPIRAN

5.5.1 MUKA HADAPAN KITAB *TA'YID TADHKIRAH MUTTABI' AL-SUNNAH FI AL-RAD 'ALA AL-QA'IL BI SUNNIYAH RAK'ATAYN QABL AL-JUM'AH*

